

**MINIT MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA JABATAN  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA  
BIL. 2 TAHUN 2025**

**Tarikh** : 11 Ogos 2025 (Isnin)  
**Masa** : 9.00 pagi  
**Tempat** : Rafflesia Grand Ballroom, Promenade Hotel  
Kota Kinabalu, Sabah

---

**KEHADIRAN**

**PIHAK PEGAWAI**

1. YBrs. Encik Surrendren Sathasivam - Pengerusi ganti  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
2. YBrs. Dr. Shahril bin Baharim  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Akaun
3. Puan Siti Nor binti Minu  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan
4. Encik Shafarin bin Nasuredin  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
5. YBrs. Ts. Hasfadilailanorita binti Ibrahim Star  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat
6. Encik Mohd Khairul bin Kassim  
Presiden  
Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial
7. Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pentadbiran

8. Encik Mohamad Nawwar Faiq bin Pengarah  
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC)
9. Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. Encik Shankaran a/l Ramsomdram - **Setiausaha Pihak Pegawai**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**PIHAK PEKERJA**

11. Puan Jojo Lizawaty binti Salim - **Pengerusi Pihak Pekerja**  
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit  
(Gred W1-W12)  
Bahagian Akaun
12. Encik Md Mahathir bin Md Isa - **Timbalan Pengerusi Pihak Pekerja**  
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan  
(Gred N2-N3)  
Unit Malaysia My Second Home
13. Puan Siti Nurhidayah binti Abd Aziz - **Setiausaha Pihak Pekerja**  
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha/ Pembantu Khas/  
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N1-N7)  
Bahagian Pengurusan Acara
14. Encik Hazwan bin Harun  
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M12)  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
15. Puan Sharwani binti Mohd Shahrin Silva  
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M12)  
Bahagian Dasar Kebudayaan
16. Puan Ir. Atiqah binti Zainal  
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Arkitek/  
Pelukis Pelan/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Senibina/  
Penjaga Jentera Elektrik (Gred J1-J12/ JA5-JA7)  
Bahagian Pembangunan Prasarana

17. Encik Ahmad Rahizan bin Mohd Arif  
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Arkitek/  
Pelukis Pelan/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Senibina/  
Penjaga Jentera Elektrik (Gred J1-J12/ JA5-JA7)  
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)
18. Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim  
Kumpulan Pegawai Psikologi/ Penolong Kaunselor/ Penolong Pustakawan/  
Pembantu Pustakawan/ Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Ehwal  
Islam/ Pegawai Arkib/ Pustakawan (Gred S1-S10)  
Bahagian Pentadbiran
19. Puan Akmal Fardhiana binti Muhamad  
Kumpulan Pegawai Psikologi/ Penolong Kaunselor/ Penolong Pustakawan/  
Pembantu Pustakawan/ Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Ehwal  
Islam/ Pegawai Arkib/ Pustakawan (Gred S1-S10)  
Bahagian Pentadbiran
20. Encik Amrul Fazli bin Mohamad  
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit  
(Gred W1-W12)  
Bahagian Akaun
21. Puan Siti Zulaikha binti Mahadi  
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-Undang  
(Gred L5-L10)  
Unit Perundangan
22. Puan Nurul Hidayah binti Aman  
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-Undang  
(Gred L5-L10)  
Unit Perundangan
23. Encik Ridhuan bin Noor Affendi  
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/  
Juruteknik Komputer (Gred F9-F10/ FA5-FA6/FT1-FT2)  
Bahagian Pengurusan Maklumat
24. Puan Rosmawati binti Yacop  
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/  
Juruteknik Komputer (Gred F9-F10/ FA5-FA6/FT1-FT2)  
Bahagian Pengurusan Maklumat

25. Encik Anwarsyah bin Mocktar@ Atan  
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Pegawai Penerangan/  
Penolong Pegawai Penerangan (Gred S5-S12)  
Unit Komunikasi Korporat
26. Puan Musfaleza binti Mustapa  
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N8)  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
27. Encik Rozli bin Abdul Rani  
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N8)  
Pejabat MOTAC Negeri Pahang
28. Puan Nur Syafiqah binti Radzuan  
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha/ Pembantu Khas/  
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N1-N7)  
Bahagian Kewangan
29. Puan Kamariah binti Taib  
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N2-N3)  
Bahagian Kewangan
30. Puan Roshadilah binti Md Derus  
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N1)  
Pejabat Menteri
31. Puan Nur Amira binti Mohammad Rodzi  
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N1)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
32. Encik Asnizan bin Mat Sufi  
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan (Gred W1-W3)  
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
33. Puan Norsharniza binti Abd Rahim  
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan (Gred W1-W3)  
Bahagian Kewangan
34. Zaizarizal bin Zamil Abidin  
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)  
Bahagian Pembangunan Prasarana

35. Encik Lukman Hakim Lubis bin Mohamed  
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)  
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)

36. Encik Muhammad Saiful bin A. Rahim  
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)  
Bahagian Pentadbiran

**TIDAK HADIR DENGAN IZIN**

**PIHAK PEGAWAI**

37. YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot  
Ketua Setiausaha

38. Encik Siva Balan Damodharan  
Ketua Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Kewangan

39. Puan Noorziehan binti Sidin  
Ketua Penolong Setiausaha  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**PIHAK PEKERJA**

40. Puan Sabilah binti Kadir  
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B1-B12)  
Bahagian Dasar Kebudayaan

41. Encik Mohamad Safran bin Nawi  
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B1-B12)  
Bahagian Dasar Kebudayaan

42. Encik Mohd Syakil bin Azemi  
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Pegawai Penerangan/  
Penolong Pegawai Penerangan (Gred S5-S12)  
Unit Komunikasi Korporat

43. Encik Mohd Rafi bin Said  
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)  
Bahagian Pentadbiran

## **URUS SETIA**

1. Puan Nurul Ain binti Jumaat  
Penolong Setiausaha BPSM
2. Puan Hefiza binti Banon  
Pembantu Tadbir Kanan, BPSM

## **1.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

- 1.1 YBrs. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MOTAC Bilangan 2 tahun 2025.

**Makluman**

### **1.2 LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM DI BAWAH SUBPERATURAN 19(1) DAN 19(2) PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) P.U. (A) 395/1993**

- 1.2.1 YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa, YBhg. Tan Sri KPPA melalui surat edaran bertarikh 19 Jun 2025 telah mengarahkan semua Ketua Jabatan untuk menasihati dan memastikan pegawai Kementerian/Jabatan masing-masing agar berhemah dalam membuat apa-apa pernyataan, ulasan atau komen dan tidak sekali-kali menyebarkan maklumat palsu, berunsur hasutan, fitnah, provokasi, atau yang tidak dapat disahkan kebenarannya.
- 1.2.2 Sekiranya pegawai didapati melakukan kesalahan tersebut, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dibuang kerja sebagaimana diperuntukkan di bawah P.U. (A) 395/1993.

**Makluman**

### **1.3 PEMAKLUMAN BERKAITAN KEKERAPAN BILANGAN MINIMUM PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN**

- 1.3.1 YBrs. Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa, YBhg. Tan Sri KPPA melalui surat edaran bertarikh 2 Julai 2025 telah memaklumkan Pelaksanaan sistem MyPerformance ini bertujuan untuk membudayakan amalan memberi maklum balas dan penilaian prestasi dibuat secara berterusan dan bukan hanya pada penghujung tahun.

- 1.3.2 Bagi memastikan amalan memberi maklum balas dan penilaian prestasi dilaksanakan secara berterusan, kekerapan bilangan minimum pelaksanaan penilaian prestasi telah ditetapkan kepada **dua (2)** kali setahun dengan penilaian dibuat seperti berikut:

Tempoh Penilaian		Peranan / Tanggungjawab	
		Pegawai Penilai (PP)	Pegawai Yang Dinilai (PYD)
Pertengahan Tahun	15 Julai hingga 31 Julai	Mengemas kini pencapaian melaksanakan prestasi dan	penilaian
Penghujung Tahun	1 Januari hingga 31 Januari tahun berikutnya	Mengemas kini pencapaian dan melaksanakan prestasi akhir	penilaian

- 1.3.3 Selain daripada itu, adalah diingatkan bahawa, bagi pegawai yang bertukar keluar, diberi pelepasan untuk dilantik ke jawatan lain, diluluskan cuti atau menghadiri kursus melebihi 180 hari, dinaikkan pangkat atau bersara, pegawai penilai (PP) hendaklah mengarahkan pegawai yang dinilai (PYD) untuk melengkapkan pengisian pencapaian prestasi dan menyediakan laporan penilaian prestasi serta-merta bagi tempoh seliaan tersebut. Perkara ini adalah selaras dengan ketetapan di perenggan 2(i) dan 2(ii), Lampiran UP.4.1.1 (A2).

#### Makluman

### 1.4 PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U. (A) 395/1993]

- 1.4.1 YBrs. Tuan Pengerusi mengingatkan bahawa, YBhg. Tan Sri KPPA melalui surat edaran bertarikh 23 Julai 2025 telah mengarahkan untuk semua pegawai awam mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993], yang menetapkan tanggungjawab utama seseorang pegawai awam dari segi tatakelakuan. Berikut adalah penekanan terhadap aspek utama yang WAJIB dipatuhi iaitu:

- a) Taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan;
- b) Aku Janji;
- c) Larangan membuat pernyataan awam tanpa kebenaran; dan
- d) Larangan penglibatan dalam aktiviti politik

1.4.2 Adalah diingatkan bahawa sebarang pelanggaran terhadap tatakelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U. (A) 395/1993, dan pegawai boleh dikenakan hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja, bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

1.4.3 Segala kerjasama dan komitmen berterusan daripada Tuan/ Puan amat dihargai dalam menjaga integriti, imej dan kredibiliti Perkhidmatan Awam Malaysia.

#### **Makluman**

### **1.5 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN U.P.1.3.9 : PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)**

1.5.1 YBrs. Tuan Pengerusi turut berkongsi info, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk membentuk minda pegawai perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dari peringkat awal perkhidmatan, Kerajaan telah menambah baik Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian U.P.1.3.9 : Program Transformasi Minda (PTM). Ceraian ini akan berkuat kuasa mulai **1 Januari 2026**.

1.5.2 Terdapat tiga (3) modul Baharu yang akan diperkenalkan iaitu Hala Tuju Negara: Malaysia MADANI, Pengurusan Kewangan Peribadi dan Pengurusan Orang Kurang Upaya (OKU). Secara ringkasnya, penambahbaikan PTM ini meliputi perubahan dari segi dasar, syarat-syarat, pendekatan pelaksanaan, penilaian PTM serta proses kerja di peringkat penganjur PTM mahupun jabatan/agensi.

#### **Makluman**

## **1.6 MENGHADIRI PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN/ KURSUS BERKAITAN PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI PEGAWAI LANTIKAN KONTRAK INTERIM (LKI)**

- 1.6.1 YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa, kerajaan telah bersetuju supaya suatu kaedah Baharu bagi pelantikan tetap pegawai awam diperkenalkan ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan perkhidmatan awam. Selaras dengan keputusan ini, Kerajaan telah bersetuju supaya tempoh peralihan dasar ini (interim), pengambilan pegawai awam dilaksanakan secara lantikan kontrak (*Contract of Service*) di bawah Objek Sebagai (OS) 11000 berkuat kuasa mulai Februari 2024. Lantikan kontrak bagi maksud ini disebut sebagai Lantikan Kontrak Interim (LKI).
- 1.6.2 Sehubungan itu, dalam tempoh interim ini pegawai LKI adalah dibenarkan untuk:
- a) Menghadiri Program Transformasi Minda (PTM);
  - b) Menduduki peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan dalam perbekalan skim perkhidmatan; dan
  - c) Menghadiri kursus atau memenuhi syarat lain yang akan ditetapkan dalam perbekalan skim perkhidmatan bagi maksud pengesahan dalam perkhidmatan.
- 1.6.3 Semua keputusan bagi program, peperiksaan atau kursus berkenaan boleh diguna pakai bagi maksud pengesahan dalam perkhidmatan setelah pegawai dilantik tetap kelak.

**Makluman**

## **1.7 PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN LATIHAN BAHARU**

- 1.7.1 YBrs. Tuan Pengerusi berkongsi info mengenai, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dalam usaha membangunkan Sistem Pengurusan Latihan (e-Training) baharu untuk meningkatkan keberkesanan tadbir urus latihan di MOTAC dan menjamin keselamatan data pengguna.
- 1.7.2 Sistem e-Training juga adalah integrasi atau gabungan fungsi sistem e-latihan & e-kursus sedia ada yang mesra pengguna dan mempercepatkan proses pengesahan dan pelaporan serta menyokong analisis data secara lebih sistematik. Penggunaan sistem e-Training baharu akan dilaksanakan dalam masa terdekat selepas selesai diuji oleh BPSM dan BPM

**Makluman**

## **1.8 PELAKSANAAN KAJIAN PRA DAN PASCA PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA SEKTOR AWAM**

- 1.8.1 YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa rentetan daripada Pembudayaan Keseronokan Bekerja, YBhg.Tan Sri KSN telah mengarahkan kajian impak dilaksanakan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) tahun 2025. Kajian ini melibatkan penjawat awam di semua Kementerian/Jabatan/Agensi. Kajian ini bagi menilai perubahan, kesan atau keberkesanan program tersebut terhadap pegawai awam di sektor awam.
- 1.8.2 Kajian Pra telah dilaksanakan pada 7 April 2025 – 20 Mei 2025. Kajian ini mengukur tahap keseronokan bekerja berdasarkan enam (6) domain keseronokan bekerja sebelum program dilaksanakan. Seramai 307 orang warga Kementerian/Jabatan/Agensi telah menjawab kajian ini. MOTAC mendapat skor 7.93 berada pada tahap sederhana bagi keseronokan bekerja.
- 1.8.3 Kajian Pasca akan dilaksanakan pada 1 September 2025 – 30 September 2025. Kajian ini mengukur semula tahap keseronokan bekerja berdasarkan enam (6) domain selepas program dijalankan.

### **Makluman**

## **1.9 Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri**

- 1.9.1 YBrs. Tuan Pengerusi memaklumkan tentang Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri yang diadakan setiap tahun sebagai mekanisme pemantauan yang bertujuan untuk membentangkan laporan keaktifan pelaksanaan MBJ di peringkat persekutuan dan negeri. Persidangan ini telah diadakan pada:

**Tarikh : 24 Julai 2025 (Khamis)**  
**Tempat : Dewan Sri Siantan, Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Putrajaya**

- 1.9.2 Persidangan pada kali ini pihak JPA menjemput Wakil Sumber Manusia, Wakil dari Urus Setia dan wakil Pekerja MBJ.

- 1.9.3 Pihak MOTAC telah disampaikan sijil penghargaan oleh YBhg. Tan Sri KPPA atas **keaktifan** mengadakan **Mesyuarat MBJ** dan **menghantar laporan** berhubung minit mesyuarat serta isu-isu yang telah dan belum selesai **tahun 2024**.

**Makluman**

## **2.0 PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja**

- 2.1 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada YBrs. Tuan Pengerusi, wakil-wakil Pihak Pegawai, wakil-wakil Pihak Pekerja dan urus setia MBJ MOTAC.
- 2.2 YBrs. Pengerusi Pihak Pekerja juga mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pegawai yang sentiasa prihatin terhadap usul-usul yang diutarakan oleh Pihak Pekerja dan menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan kebajikan pekerja, pembangunan kerjaya, serta peningkatan produktiviti secara bersama. Antara perkara yang ingin dikemukakan dalam mesyuarat MBJ ini termasuklah aspek kesejahteraan pekerja seperti kebajikan, persekitaran kerja yang kondusif, serta peluang peningkatan kemahiran dan kerjaya. Oleh yang demikian, adalah diharapkan sokongan daripada pihak pegawai dalam aspek latihan, keseimbangan kerja dan kehidupan, serta penghargaan terhadap sumbangan pekerja amatlah dihargai.

**Makluman**

## **3 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 3.1 Minit mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 28 Februari 2025 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

**Makluman**

## **4 PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT (DARIPADA MESYUARAT BILANGAN 1 TAHUN 2025)**

### **4.1 Persidangan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) MOTAC**

- 4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bengkel Pemantapan Skim Penolong Pegawai Tadbir Gred N5 hingga N8 akan diadakan pada 17 hingga 19 September 2025 di Port Dickson, Negeri Sembilan.

**Makluman**

#### **4.2 Takwim POL Diedarkan/ Dimaklumkan Secara Bulanan Kepada Warga MOTAC**

- 4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah membentangkan permohonan pembangunan sistem baharu iaitu eTraining di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT pada 31 Julai 2025 dan telah diluluskan. Sistem tersebut merupakan integrasi sistem eKursus dan eLatihan yang dinaiktaraf. Di dalam sistem eTraining yang baharu ini boleh dimuatnaik katalog kursus untuk sepanjang tahun. Sistem ini dijadualkan *go live* pada Januari 2026.

**Tindakan : BPSM**

#### **4.3 Pengesahan Perlembagaan MBJ MOTAC**

- 4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Perlembagaan MBJ MOTAC yang baharu telah dipinda selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dimana terdapat perubahan dari segi penyeragaman dan penggelaran semula gred-gred jawatan.

**Makluman**

### **5.0 USUL/ CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA**

#### **5.1 CADANGAN MENAIKTARAF PERJAWATAN SEDIA ADA SKIM PENOLONG AKAUNTAN DI PUSAT TANGGUNGJAWAB BAGI GRED W5 KE GRED W6**

- 5.1.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya beberapa perjawatan sedia ada bagi gred W5 dinaiktaraf ke W6 di beberapa bahagian dan pusat tanggungjawab (PTJ) yang terpilih. Cadangan ini dibuat berdasarkan peningkatan beban kerja dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, khususnya yang melibatkan fungsi kewangan dan perakaunan. Penaiktarafan jawatan ini juga dijangka dapat meningkatkan kecekapan pengurusan operasi serta memastikan pematuhan terhadap prosedur dan peraturan yang ditetapkan.
- 5.1.2 YBr. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa bagi setiap cadangan menaiktaraf gred, beberapa jawatan sedia ada perlu ditukar ganti (*trade-off*) bagi menampung implikasi kos yang terlibat. Oleh itu, *trade-off* jawatan sekaligus akan memberi kesan kepada peratus pengisian perjawatan di Kementerian ini.

## **5.2 PERMOHONAN PEMANSUHAN KUOTA 10% BAGI PENGISIAN JAWATAN PEGUAM PERSEKUTUAN**

- 5.2.1 Pihak Pekerja memaklumkan bahawa jawatan Peguam Persekutuan masih belum diisi sejak Ogos 2024. Sehubungan itu, adalah dicadangkan agar pengisian jawatan ini disegerakan bagi memastikan kelangsungan fungsi perundangan serta pengurusan sumber manusia yang lebih optimum.
- 5.2.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa surat permohonan bagi pengisian jawatan ini telah dikemukakan kepada KPPA pada 20 Ogos 2025.

**Tindakan: BPSM**

## **5.3 PERMOHONAN PENJELASAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROSES KENAIKAN GAJI TAHUNAN (KGT)**

- 5.3.1 Pihak Pekerja memohon penjelasan daripada BPSM berhubung kelewatan dalam proses pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) bagi pegawai yang layak menerimanya pada bulan Januari. Untuk makluman ahli mesyuarat, pada tahun sebelum ini, pembayaran KGT bagi penerima bulan Januari lazimnya diterima selewat-lewatnya pada bulan April. Namun begitu, bagi tahun ini terdapat kelewatan dalam pelaksanaannya.
- 5.3.2 Sehubungan dengan itu, Pihak pekerja memohon supaya proses ini dapat ditambah baik dan disegerakan pada masa akan datang bagi memastikan kebajikan pegawai sentiasa terpelihara.
- 5.3.3 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Tahun 2025 telah bersidang lewat dan hanya dapat dilaksanakan pada bulan April 2025. Sehubungan dengan itu, BPSM merancang untuk mengadakan Mesyuarat PPSM Tahun 2025 pada bulan Mac 2026.

**Makluman**

#### **5.4 USUL PENAMBAHAN PERJAWATAN JURUFOTOGRAFI DI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)**

- 5.4.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya pengurusan tertinggi mempertimbangkan penambahan perjawatan Jurufotografi di Unit Komunikasi Korporat (UKK), MOTAC memandangkan beban tugas liputan visual kini ditanggung oleh seorang Jurufotografi sahaja. Keperluan liputan yang semakin meningkat, termasuk foto dan video bagi program rasmi kementerian di pelbagai lokasi, menjejaskan kecekapan dan kesejahteraan pegawai sedia ada. Oleh itu, dengan penambahan perjawatan bagi skim tersebut diharap dapat memastikan kualiti dokumentasi visual dan imej kementerian terus terpelihara.
- 5.4.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa bagi menampung keperluan Jurufotografi di kementerian ini, UKK disyorkan untuk melantik Personel MySTEP bagi membantu tugas-tugas Jurufotografi sedia ada.

#### **Makluman**

#### **5.5 CADANGAN KENAIKAN PANGKAT SECARA BERSEPADU BAGI SKIM PEGAWAI KEBUDAYAAN GRED B5 KE GRED B9**

- 5.5.1 Pihak Pekerja memaklumkan bahawa cadangan ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat MBJ yang lalu, dengan tujuan untuk mempertimbangkan laluan kenaikan pangkat secara bersepadu kepada pegawai dalam Skim B, khususnya Pegawai Kebudayaan Gred B5 yang telah berkhidmat sekian lama dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh prospek kerjaya serta memberi pengiktirafan yang sewajarnya terhadap pengalaman, kemahiran, dan sumbangan berterusan pegawai kepada perkhidmatan awam.
- 5.5.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa pelantikan pegawai Gred B9 telah dibuat melalui SPA dan sekiranya terdapat kekosongan pada masa akan datang setelah diisi oleh calon simpanan, perkara ini boleh dipertimbangkan melalui cadangan untuk kenaikan pangkat secara bersepadu.

#### **Tindakan: BPSM**

## 5.6 CADANGAN KURSUS KEMAHIRAN TEKNIKAL UNTUK JURUFOTO MOTAC

5.6.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya Jurufotografi MOTAC diberi peluang mengikuti kursus kemahiran teknikal bertujuan meningkatkan kecekapan pegawai, mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan luar serta memperkukuh kualiti dokumentasi rasmi kementerian dan antara cadangan kursus adalah seperti berikut:

- a) Pengendalian dron bagi tujuan rakaman udara; dan
- b) Fotografi bawah air (*underwater photography*) bagi program berkaitan laut.

5.6.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa kadar yuran bagi kursus-kursus tersebut adalah agak tinggi. Untuk makluman ahli mesyuarat, Jurufotografi akan bertukar ke Kementerian /Jabatan lain apabila sudah sampai tempoh.

**Makluman**

## 5.7 ADUAN BERKENAAN AKTIVITI MEROKOK DI KAWASAN TANGGA BANGUNAN MOTAC

5.7.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat warga MOTAC yang merokok di kawasan tangga sekitar premis MOTAC walaupun jelas dinyatakan sebagai kawasan larangan melalui papan tanda yang dipasang. Perbuatan ini menyebabkan kawasan tersebut berbau busuk, kotor dengan puntung rokok serta mengganggu keselesaan warga MOTAC dan memberi persepsi negatif kepada pelawat yang berurusan di kaunter berhampiran.

5.7.2 Oleh yang demikian, ahli mesyuarat memohon supaya tindakan penguatkuasaan secara mengejut dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun bagi memastikan pematuhan terhadap larangan merokok di kawasan Premis Kerajaan berkesan.

5.7.3 YBrs. Puan SUB (BT) memaklumkan bahawa perkara ini telah dimaklumkan kepada pengurusan tertinggi MOTAC. Kementerian Kesihatan Malaysia akan membuat penguatkuasaan secara mengejut di lokasi yang telah dikenalpasti. Untuk makluman ahli mesyuarat juga, BT telah menyediakan kawasan khas merokok di ruang parkir kenderaan di belakang bangunan MOTAC.

**Tindakan: BT**

## **5.8 CADANGAN PERTUKARAN KARPET UNTUK SELURUH BANGUNAN MOTAC**

- 5.8.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya karpet di seluruh bangunan MOTAC digantikan dengan baharu memandangkan:-
- a) Karpet sedia ada telah lama digunakan dan menunjukkan tanda-tanda keusangan serta hampir rosak. Kondisi ini juga menjejaskan imej korporat MOTAC; dan
  - b) Menimbulkan risiko keselesaan dan kesihatan kepada warga MOTAC khususnya serta pelawat amnya.
- 5.8.2 Sehubungan itu, pihak pekerja memohon pertimbangan untuk meluluskan cadangan ini demi meningkatkan kualiti persekitaran tempat kerja yang kondusif dan selamat.
- 5.8.3 YBrs. Puan SUB (BT) memaklumkan bahawa pembelian dan pemasangan karpet baharu hanya boleh dibuat jika karpet tersebut telah digunakan lebih daripada 15 tahun. Selain itu, pembelian karpet baharu juga melibatkan kos yang tinggi.

### **Makluman**

## **5.9 PENGGABUNGAN PERPUSTAKAAN MOTAC DAN PUSAT SUMBER PELANCONGAN, TOURISM MALAYSIA**

- 5.9.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Perpustakaan MOTAC di Aras 1 telah dikosongkan bagi memberi laluan kepada kerja pengubahsuaian ruang Pejabat MM2H dan Perpustakaan MOTAC kini ditempatkan sementara di Aras 2.
- 5.9.2 Berdasarkan makluman awal oleh SUB (T) melalui mesyuarat, dimaklumkan bahawa Perpustakaan MOTAC akan digabungkan dengan Pusat Sumber Pelancongan, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) bagi mewujudkan sebuah pusat sumber yang lebih komprehensif dan bersepadu selepas pengubahsuaian selesai.
- 5.9.3 Namun, cadangan ini berpotensi memberi implikasi kepada struktur perjawatan memandangkan Perpustakaan MOTAC disandang oleh skim Pustakawan kader Perpustakaan Negara Malaysia manakala

Pusat Sumber Tourism Malaysia menggunakan perjawatan dalaman. Selain itu, penggabungan ini juga akan memberi implikasi kepada koleksi-koleksi buku dan bahan- bahan yang sedia ada.

- 5.9.4 YBrs. Puan SUB (BT) memaklumkan bahawa kedua-dua perpustakaan ini tidak akan digabungkan memandangkan bahan bacaan perpustakaan tersebut adalah berbeza. Bahagian Pentadbiran hanya akan menumpukan kepada usaha penaiktarafan Perpustakaan MOTAC yang dijangka kembali beroperasi dengan wajah baharu bagi meningkatkan keberkesanan fungsi dan perkhidmatan perpustakaan tersebut.

### **Makluman**

## **5.10 PENYEDIAAN KEMUDAHAN RUANG MANDI SETIAP ARAS DI MOTAC**

- 5.10.1 Pihak Pekerja memohon pertimbangan bagi menyediakan sekurang-kurangnya dua (2) kemudahan ruang mandi (*shower*) setiap aras di MOTAC melibatkan tandas lelaki dan tandas Wanita. Cadangan ini mengambil kira peningkatan dalam kalangan warga kerja yang kini mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti seperti brisk walk dan jogging sebelum memulakan tugas harian.
- 5.10.2 Penyediaan ruang mandi akan membolehkan mereka membersihkan diri dan memulakan tugas dalam keadaan yang lebih selesa dan profesional. Inisiatif ini juga mencerminkan komitmen pihak pengurusan dalam menyokong amalan gaya hidup sihat serta menjaga kebajikan warga kerja kementerian secara menyeluruh.
- 5.10.3 Mesyuarat bersetuju agar kemudahan ruang mandi disediakan di setiap aras.

**Tindakan: BT**

## **5.11 ISU PENGANTIAN ALATAN ICT BAGI SKIM PEMBANTU KHIDMAT AM (PKA) (PEMBANTU OPERASI)**

- 5.11.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa isu ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat MBJ tahun lepas, namun sehingga kini tiada tindakan susulan. *Desktop* yang diberikan kepada skim PKA masih mengalami beberapa masalah seperti kesukaran untuk *minimize* komputer, terdapat bayang (*shadow*) dan *screen* tiba-tiba gelap.

- 5.11.2 Pihak Pekerja memohon supaya perkara ini diberikan perhatian sewajarnya bagi memastikan kelancaran tugas harian bagi skim ini.
- 5.11.3 YBrs. Puan SUB (BPM) memaklumkan bahawa perolehan bagi sewaan komputer ini dijangka selesai pada penghujung bulan November 2025. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat masalah komputer pegawai bolehlah mengemukakan aduan melalui sistem *helpdesk* BPM untuk tindakan lanjut.

**Tindakan: BPM**

## **5.12 PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN PEMANSUHAN PERATURAN 25% BAGI PENGIRAAN PAKEJ MESYUARAT/BENGGEL DAN PENGINAPAN DI HOTEL**

- 5.12.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai Garis Panduan Sewaan dalam Perolehan Pakej Penganjuran Majlis/Acara Rasmi dan Latihan – Arahan Perbendaharaan Bil. 2/2022 dan Pihak Pekerja memohon pertimbangan agar peraturan penetapan had 25% bagi kos sewaan dewan dan peralatan audio dalam pengiraan keseluruhan kos pakej mesyuarat, bengkel dan penginapan di hotel dimansuhkan. Justifikasi permohonan adalah seperti berikut:
- a) Tawaran harga hotel selepas musim covid-19 adalah tinggi dan mahal; dan
  - b) Kadar pakej bagi bengkel/ kursus di dalam Pekeliling WP1.10 telah menetapkan 80% kelayakan BSH pegawai sahaja yang boleh digunapakai jika dilaksanakan secara pakej.
- 5.12.2 Cadangan ini dikemukakan bagi memberi lebih fleksibiliti dalam penyediaan pakej yang kompetitif dan bersesuaian dengan keperluan sebenar pelaksanaan program, khususnya di lokasi yang menetapkan kadar berbeza bergantung kepada kemudahan dan kapasiti yang ditawarkan.
- 5.12.3 YBrs. Puan SUB (K) memaklumkan bahawa memandangkan kadar hotel di sekitar Lembah Klang agak mahal, pengurusan tertinggi MOTAC telah memberi kebenaran mengadakan kursus di luar Lembah Klang supaya dapat tawaran harga hotel yang lebih murah. Selain itu, MOTAC juga telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi mengurangkan jurang kadar di antara kumpulan pegawai dan pelaksana.

**Tindakan: BK**

### **5.13 PERMOHONAN TUNTUTAN CAJ TELEFON**

- 5.13.1 Menyuarat mengambil maklum bahawa Skim PKA memohon pertimbangan bagi tuntutan bil telefon sebagaimana yang dinikmati oleh pemandu bagi keperluan seperti menghubungi penerima atau mengambil surat/ dokumen dan kemudahan data internet untuk aplikasi *waze* atau *google map*.
- 5.13.2 Mesyuarat memutuskan bahawa cadangan ini akan dikemukakan melalui cadangan penambahbaikan yang diminta oleh pihak MOF.

**Tindakan: BK**

### **5.14 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENYERTAAN PEGAWAI KE PROGRAM ANTARABANGSA**

- 5.14.1 Wakil Pekerja mencadangkan supaya penyertaan ke program bertaraf antarabangsa seperti persidangan, konvensyen dan program seumpamanya diberikan kepada pegawai-pegawai daripada bahagian lain selain Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa (DPL) dan Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan (HAK). Cadangan ini bertujuan memperluaskan pendedahan dan kepakaran pegawai kementerian secara lebih menyeluruh.
- 5.14.2 Selain itu, turut dicadangkan agar kuota penyertaan ke seminar, persidangan dan *travel mart* di luar negara ditambah kepada sekurang-kurangnya 1+1 atau 1+2 pegawai bagi setiap penyertaan, bagi memastikan liputan dan keberkesanan penyertaan yang lebih optimum serta memberi ruang kepada proses pemindahan ilmu dan kepakaran yang lebih meluas.
- 5.14.3 YBr. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa kementerian ini tiada halangan sekiranya program/ kursus yang diadakan diluar negara di tanggung sepenuhnya oleh pihak penganjur.

**Makluman**

### **5.15 USUL PENANGGUNGAN KERJA SEMASA KETIADAAN PEGAWAI**

- 5.15.1 Pihak Pekerja memaklumkan bahawa terdapat Ketua Unit/ Setiausaha Bahagian tidak memberi kebenaran kepada pegawai lain yang bersesuaian untuk melaksanakan penanggungan kerja apabila

terdapat pegawai yang sedang bercuti bersalin atau cuti tanpa gaji. Perkara ini telah memberi tekanan kepada pegawai yang terpaksa melaksanakan tugas tanpa diberikan ganjaran setimpal.

- 5.15.2 Perkara ini bertujuan memastikan kelancaran urusan pentadbiran dan operasi bahagian, serta sebagai pengiktirafan terhadap tanggungjawab tambahan yang dipikul oleh pegawai yang menanggung tugas tersebut.
- 5.15.3 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa pegawai yang terlibat bolehlah memaklumkan perkara ini kepada pengurusan tertinggi supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan segera dan tidak berlarutan.
- 5.15.4 Mesyuarat turut memutuskan agar perkara ini perlu dibawa ke Mesyuarat Pengurusan.

**Tindakan: BPSM**

#### **5.16 ISU PENGAMBILAN ALIH TUGASAN PEMANDU OLEH PEMBANTU TADBIR (MOTAC NEGERI)**

- 5.16.1 Wakil Pekerja memaklumkan bahawa terdapat isu bahawa Pembantu Tadbir telah diarahkan untuk melaksanakan tugas yang sepatutnya dijalankan oleh pemandu, sedangkan pemandu yang sedia ada tidak diberikan sebarang tugas. Perkara ini dilihat tidak wajar dengan skop fungsi dan tanggungjawab perjawatan serta boleh menimbulkan isu kecekapan pengurusan sumber manusia.
- 5.16.2 YBrs. Tuan SUB (PSM) memaklumkan bahawa perkara ini akan diselesaikan dengan segera supaya perkara yang sama tidak berulang.
- 5.16.3 Mesyuarat turut memutuskan bahawa perkara ini perlu dibawa ke Mesyuarat Pengurusan.

**Tindakan: BPSM**

## **5.17 SOKONGAN KEPADA KAKITANGAN PELAKSANA DALAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

- 5.17.1 Wakil Pekerja mencadangkan supaya pihak pengurusan memberikan sokongan kepada kakitangan pelaksana yang berhasrat menyambung pengajian melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat, khususnya melalui program anjuran INTAN seperti *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)*.
- 5.17.2 Pembelajaran sepanjang hayat merangkumi usaha berterusan dan sukarela oleh individu untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, sama ada bagi pembangunan peribadi mahupun kemajuan profesional. Sokongan ini bukan sahaja dapat memperkasakan kompetensi kakitangan, malah dapat menyumbang secara positif kepada prestasi organisasi secara keseluruhan.
- 5.17.3 Mesyuarat bersetuju dengan Cadangan ini.

### **Makluman**

## **5.18 CADANGAN PENAJAAN PAKAIAN KORPORAT KEPADA PAKAIAN BATIK KEMENTERIAN**

- 5.18.1 Pihak Pekerja mencadangkan supaya peruntukan bagi penyediaan baju korporat kementerian ditukar kepada penyediaan baju batik kementerian, selaras dengan usaha memperkasakan identiti korporat dan imej kebangsaan dengan tajaan sebanyak 50% daripada kos keseluruhan baju ditanggung oleh pihak KSKS.
- 5.18.2 Cadangan ini diharap dapat dipertimbangkan bagi memastikan keseragaman serta penampilan profesional warga kementerian dalam program rasmi dan separa rasmi.
- 5.18.3 YBrs. Tuan Pengerusi KSKS memaklumkan bahawa KSKS telah menanggung pelbagai aktiviti MOTAC. KSKS akan berbincang perkara ini dan akan maklumkan keputusan kelak.

### **Tindakan: KSKS**

## 6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Tiada

## 7.0 PENUTUP

7.1 YBhg. Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.


Disediakan oleh:



.....  
**(NURUL AIN BINTI JUMAAT)**


Urus Setia  
Majlis Bersama Jabatan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Disemak oleh:



.....  
**(SHANKARAN A/L RAMASOMDRAM)**

Setiausaha Pihak Pegawai  
Majlis Bersama Jabatan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



.....  
**(SITI NURHIDAYAH BINTI ABD AZIZ)**

Setiausaha Pihak Pekerja  
Majlis Bersama Jabatan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya